

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran  
Enche Hussein Onn, di-Majlis Cheramah  
Guru2, di-Dewan Sekolah Menengah Sultanah  
Asmah, Alor Star, Kedah 30hb. Mach, 1971  
jam 9.00 malam.

=====

Saya sangat sukachita pada malam ini kerana dapat peluang berjumpa dan bercheramah dengan guru2 di-Negeri Kedah ini. Lebih dahulu, saya ucapkan berbanyak2 terima kaseh di-atas kesudian tuan2 dan puan2 mengundang saya menghadziri majlis yang meriah ini.

Bersempena dengan Minggu Muhibbah dan Perpaduan Negara yang telah di-lancharkan pada 28hb Mach yang lalu, saya suka hendak berchakap sedikit mengenai betapa penting-nya minggu ini, terutama kepada murid2 di-sekolah; dan saya hendak menyentoh sedikit akan peranan yang boleh di-mainkan oleh guru2 di-semua sekolah bagi menjayakan chita2 Kerajaan yang di-harapkan melalui minggu Muhibbah dan Perpaduan ini.

Y.A.B. Perdana Menteri, Tun Abdul Razak ketika mengarahkan supaya Minggu Muhibbah dan Perpaduan ini di-adakan di-sekolah2 mengharapkan supaya Minggu ini dapat

(i) Menyedarkan penuntut2 yang sedang mengikuti pelajaran dan didekan di-sekolah2 yang berlainan tentang kepentingan Muhibbah dan Perpaduan di-antara kaum di-negeri ini.

(ii) Penyebaran serta amalan Rukunegara akan dapat meresap di-kalangan murid2 dan ibu bapa sekalian.

Tidak shak lagi bahawa matalamat yang terpenting ialah hendak menanamkan perasaan Muhibbah dan saling faham memahami di-antara satu kaum dengan kaum yang lain di-negeri ini dan dengan itu akan lahirlah perpaduan yang tulen di-dalam masharakat negara kita. Negara kita sedang berusaha dengan giat-nya bagi membentok satu masharakat yang bersatu padu dari berbagai kaum yang menjadi warganegara negara ini. Mengadakan Minggu Muhibbah dan Perpaduan adalah satu daripada usaha2 yang berkesan yang dapat di-jalankan.

Saya sungguh yakin bahawa setiap raayat yang chintakan keamanan sedar ia-itu satu rupa masharakat yang muhibbah dan bersatu padu mesti di-ujud bagi menjamin kesetabilan hidup khas-nya untuk jenerasi yang akan datang. Sekira-nya usaha yang maha penting ini menemui kegagalan, tidak-lah dapat saya membayangkan betapa burok sekali akibat-nya. Oleh itu kerjasama yang jujur dan ikhlas dari semua pihak sangat-lah di-harapkan bagi melaksanakan Minggu ini supaya Minggu Muhibbah dan Perpaduan ini mempunyai erti dan semangat seperti yang di-harapkan.

Walau pun sebahagian besar aktiviti Minggu Muhibbah dan Perpaduan ini di-tumpukan pada acara2 untuk murid2 sekolah di-semua peringkat, ini tidak-lah bermaana minggu ini hanya untuk murid2 dan guru2 sahaja; dan bukan juga kerana aktiviti2 seperti ini mudah di-jalankan di-sekolah2. Sa-sungguh-nya murid2 sekolah adalah jenerasi muda yang dalam masa yang tidak berapa lama lagi akan menggantikan jenerasi yang ada sekarang. Oleh itu perhatian yang berat perlu di-berikan pada mereka dan nasib mereka pada masa akan datang perlu di-titek-beratkan.

Sabelum mereka meningkat dewasa, kita bukan sahaja tidak mengingini perasaan mereka di-rachuni oleh anasir jahat malah, di-samping itu, kita perlu menanamkan segala perasaan yang boleh mengujud dan menjamin muhibbah dan perpaduan di-dalam kehidupan mereka kelak. Pada ketika mereka masih muda itu-lah kita mesti merebut peluang untuk membentok perasaan, fikiran dan peribadi mereka seperti yang kita kehendaki. Saya yakin guru semua sedar akan soal ini.

Saya rasa dalam soal membentok perasaan dan peribadi jenerasi muda ini, guru ada-lah gulongan masharakat yang paling layak dan berkesan sekali memainkan peranan penting ini. Guru2 boleh memahami jiwa murid2 dan guru2 juga tahu membentok peribadi murid2, kerana **kita** semua tahu pengaruh guru sangat besar pada jiwa murid2.

Guru2 yang bertanggung-jawab bukan semata2 menchurahkan ilmu pengetahuan pada murid2 tanpa memperhitungkan keperibadian bangsa dan negara.

Saya rasa tugas2 guru di-negara kita ini agak berat jika di-bandingkan dengan negara2 lain - di-samping mengajar, guru2 terpaksa mengawasi gerak-geri murid2 dan juga diri sendiri supaya perkara yang merosakkan muhibbah dan perpaduan dapat di-elakkan. Saya meminta guru2 semua menganggap tugas menyemaikan perasaan muhibbah dan perpaduan sebagai satu daripada tugas guru2 yang mesti di-jalankan.

Di-sini juga saya berharap supaya guru2 semua bekerjasama bagi menjayakan Minggu Muhibbah dan Perpaduan ini dengan mengadakan apa sahaja aktiviti yang mempunyai chiri perpaduan dan muhibbah. Segala sumbangan guru2 semua ada-lah di-pandang tinggi dan di-hargai oleh negara.

Sekarang saya beroleh pula kapada soal perlaksanaan dasar Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pengantar utama di-sekolah2 bantuan kerajaan di-semua peringkat. Kerajaan adalah berazam penoh untuk menjadikan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pengantar yang tunggal dan tidak akan berundur kebelakang dari dasar ini.

Masaalah yang timbul dari pelaksanaan ini ia-lah memberi Kursus Bahasa Malaysia kapada guru2 bukan Melayu yang tidak boleh mengajar dalam Bahasa Malaysia supaya membolehkan mereka mengajar semua mata-pelajaran dalam Bahasa Malaysia. Kementerian saya sedang berusaha bagi mengatasi masaalah ini dengan mengadakan kursus2 dalam Perkhidmatan bagi guru2 tersebut. Mulai tahun ini Kementerian Pelajaran telah pun memberi Kursus Bahasa Malaysia kapada guru2 terlatah dari Sekolah Menengah Rendah.

Kursus2 Bahasa Malaysia ini di-jalankan dalam dua  
chara:

- (a) Kursus penoh masa - selama kira2 tiga bulan ia-itu selama satu penggal sekolah.
- (b) Kursus dalam masa chuti - dalam chuti sekolah lebeh kurang 10 minggu semua sekali.

Kursus penoh masa:

Untuk Kursus Penoh Masa di-adakan di-dua buah  
Maktab Perguruan.

- (a) Untuk guru Sekolah Menengah Rendah - Kursus di-adakan di-Maktab Perguruan Bahasa, seramai 300 orang guru di-ambil mengikuti kursus ini tiap2 penggal.
- (b) Untuk guru2 Sekolah Rendah - Kursus di-adakan di-Maktab Perguruan Kota Bahru - 300 orang guru di-pilih mengikuti kursus tiap2 penggal.

Kursus masa chuti:

Kementerian Pelajaran berharap dapat memberi Kursus kepada seramai kira2 1,200 guru2 bukan Melayu dari sekolah rendah dan menengah bagi mengikuti kursus dalam masa chuti sahaja - Pusat2 tempat di-adakan kursus adalah saperti berikut:-

Untuk Sekolah Menengah

- (a) Maktab Perguruan Bahasa - 300 orang
- (b) " " Temenggong -  
Ibrahim J. Bahru - 300 orang
- (c) " " Teknik, K.L. - 200 orang

Untuk guru sekolah rendah pula:

- (a) Di-Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka - 300 orang
- (b) Di-Maktab Perguruan Kota Bharu, Kelantan - 100 orang

Dari kenyataan di-atas dapat di-buktikan betapa pesat-nya Kementerian Pelajaran menjalankan usaha2 bagi melaksanakan dasar pelajaran yang menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar yang utama.

Mulai tahun 1970 Maktab Latihan Guru telah memberi kuliah di-dalam Bahasa Malaysia satakat mana yang boleh. Bakal2 calon guru di-pilih mulai tahun 1970 ada-lah terdiri dari calon2 yang mempunyai kebolehan yang cukup di-dalam Bahasa Malaysia.

Penuntut2 yang tamat dari Maktab Latehan Perguruan di-akhir tahun 1971 ini semua-nya boleh mengajar di-dalam Bahasa Malaysia. Untuk memesatkan lagi pelaksanaan pengajaran melalui Bahasa Malaysia di-Maktab2 Latehan Guru, Kementerian Pelajaran akan mengadakan kursus Bahasa Malaysia bagi pensharah2 bukan Melayu mulai dari 6hb. April akan datang ini. Kira2 120 orang pensharah bukan Melayu akan menghadziri kursus yang akan di-adakan di-Maktab Perguruan Ilmu Khas. Kursus ini akan berjalan selama 8 minggu di-dalam tiga kali chuti Maktab.

Di-samping Kerajaan berusaha untuk menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di-sekolah2 Kerajaan juga sangat menitek-beratkan pengajaran mata-pelajaran Sains dan Teknologi, sesuai dengan kehendak dan kemajuan negara. Negara kita yang sedang membangun dengan pesat-nya ini berkehendakkan ramai bakal pekerja yang mempunyai pengetahuan dalam Sains dan Teknologi.

Kerajaan sedang mengadakan beberapa2 langkah bagi memajukan mata-pelajaran Sains dan Ilmu Hisab:

- (a) Mengadakan Pusat Sains bagi menyediakan panduan guru untuk guru2 sekolah kebangsaan.
- (b) Mengadakan Kursus2 dalam Perkhidmatan dalam Sains dan Ilmu Hisab untuk sekolah rendah dan menengah.
- (c) Menyediakan alat dan kelengkapan yang chukup bagi memudahkan pengajaran kedua2 mata-pelajaran tersebut di-sekolah.
- (d) Chalun yang di-pilih untuk mengikuti Kursus di-Maktab Rendah 1971 khas-nya, 90% adalah mempunyai kelulusan di-dalam Sains atau Ilmu Hisab.

Langkah2 sedang di-ambil untuk memperbesarkan lagi Maktab Teknik di-Luala Lumpur dan Maktab ini mungkin akan di-iodikan Maktab Teknologi bila tiba masa-nya kelak. Maktab Polyteknik Ungku Omar di-Ipoh di-jangka akan dapat meneluarkan 750 orang juruteknik tiap2 tahun menjelang tahun 1973.

Di-samping itu Kerajaan juga telah membuat rancangan untuk menyediakan lebih banyak lagi sekolah2 Vokeshenal di-seluruh negara. Penuntut2 yang lulus LCE/SRP dan tidak dapat mengikuti kursus akademik, atau penuntut yang chenderong dalam pelajaran vokeshenal boleh di-terima di-sekolah2 ini. Di-sekolah2 ini penuntut2 di-beri latehan kemahiran2 tertentu yang di-kehendaki oleh kalangan perindustrian. Pada masa ini ada 12 buah Sekolah Vokeshenal. Kerajaan akan membena 6 buah lagi sekolah saperti ini di-Kuala Lumpur, Seremban, Kangar, Alor Star, Kuala Trengganu dan Muar. Kita mempunyai 3 buah Sekolah Teknik dan 5 buah lagi akan di-bena menjelang tahun 1974 ia-itu di-Ipoh, Alor Star, Seremban, Melaka dan Johor Bahru.

Murid2 yang lulus dari Sekolah Vokeshenal di-beri Sijil Pelajaran Vokeshenal (S.P.V.). Sijil ini ada-lah sama taraf-nya dengan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Majikan adalah di-seru supaya mengambil penuntut2 yang lulus dari sekolah ini untuk kerja yang sesuai bagi mereka.

Murid2 patut di-galakkan memasoki sekolah2 ini kerana peluang bekerja adalah sangat baik pada masa akan datang. Saya harap perasaan memandang rendah pada Vokeshenal patut di-kikis dari perasaan murid2.

Sekarang saya hendak memperkatakan serba sedikit mengenai tugas2 guru2 di-sekolah. Saya sedar bahawa pandangan masharakat terhadap golongan guru2 telah berubah jika di-bandingkan dengan zaman sebelum perang dahulu. Perubahan sikap ini adalah tidak dapat di-alehkan kerana berlaku-nya perubahan nilai di-dalam kebudayaan kita. Sekarang, di-samping guru2, terdapat pemimpin masharakat yang lain saperti pemimpin politik yang mendapat penghormatan yang lebih di-kalangan masharakat. Bagaimana pun pada pendapat saya, perguruan adalah satu profession yang sungguh mulia dan patut mendapat penghormatan daripada masharakat. Saya berharap guru2 mesti-lah menjalankan tugas dengan ikhlas dan jujur supaya masharakat mempunyai keperchayaan pada guru2 dan dengan itu penghormatan masharakat akan dapat di-kembalikan semula.

Pelaksanaan dasar pelajaran kita tidak akan terchapai tanpa kerjasama guru2 semua. Guru2 ada-lah merupakan anggota barisan hadapan dalam perjuangan kita bagi meninggi dan memajukan pelajaran murid2. Walau pun kemajuan pelajaran murid bukan-lah semata2 bergantung pada guru, tetapi guru boleh memberi pertolongan yang berguna dan berkesan terutama bagi memajukan pelajaran murid yang lemah.

Saya suka menasihatkan guru2 supaya menyempurnakan tugas mengajar di-sekolah dengan perasaan penoh tanggung-jawab. Pekerjaan mengajar di-sekolah mesti-lah di-anggap sebagai tugas utama guru2. Jangan-lah hendak-nya pekerjaan luar menodai tugas guru di-sekolah.

Memberi pelajaran pada murid2 bukan-lah tugas yang mudah dan ringan dan hasil pengajaran tidak dapat di-buktikan pada masharakat selepas tiap kali mengajar; malah kerana sebab2 ini juga, ada guru2 yang mengambil kesempatan untok menchuaikan tugas2 mereka. Sikap yang demikian tidaklah di-ingini sama sekali. Saya harap guru2 menjalankan tugas dengan ikhlas, penoh sifat sabar dan ketekunan.

Guru2 mesti-lah mempunyai sifat "dedication" pada pekerjaan mereka, sabenar-nya, ketiadaan sifat "dedication" ini juga merupakan satu daripada sebab guru2 di-pandang rendah oleh masharakat. Saya suka mengingatkan bahawa mereka yang tidak mempunyai minat dalam perguruan, sebaik2-nya tidak usah meminta menjadi guru dan pada mereka yang sedang bertugas, jika mendapat lapangan ini tidak sesuai dengan jiwa mereka, saya suka menasehatkan supaya menchari pekerjaan lain sahaja. Saya sedar ramai di-antara mereka yang menjadi guru menganggap lapangan ini sebagai lapangan kerja yang terakhir satelah gagal mendapat pekerjaan yang lain dan ada juga yang menganggap pekerjaan guru sebagai satu lonchatan sahaja, sementara menunggu pekerjaan lain yang di-minati-nya.

Dalam pengajaran di-sekolah guru2 tidak boleh melupakan ibu bapa yang menjadi faktor penting dalam kemajuan pelajaran murid2. Guru2 hendak-lah sentiasa bekerjasama dengan ibu bapa murid dan chuba memahami kesulitan mereka. Guru2 mungkin boleh memberi nasihat dan pertolongan sekadar yang terdaya.

Guru2 patut selalu mengadakan perjumpaan dengan ibu bapa murid2 supaya kesulitan2 guru2 dan ibu bapa dapat di-binchang dan di-chari penyelesaian. Aktiviti saperti ini sangat mudah di-jalankan sekira-nya Pesatuan Guru/Ibu bapa di-tubuhkan. Banyak lagi ranchangan lain yang boleh di-adakan melalui persatuan ini. Saya harap sekolah yang belum menubuhkan persatuan2 guru dan ibu bapa supaya berbuat demikian secepat mungkin.

Guru2 adalah pemimpin masharakat yang berkesan. Guru2 boleh memainkan tugas bagi menyatukan masharakat yang berbilang bangsa di-negara ini. Sumbangan guru2 dalam usaha saperti ini sangat di-kehendaki oleh negara. Untuk menimbulkan perasaan muhibbah di-kalangan masharakat, guru2 boleh menganjorkan aktiviti perkhidmatan masharakat. Guru2 besar adalah di-gesa supaya memimpin guru2 di-bawah-nya untuk membuat ranchangan perkhidmatan masharakat (community service) ini. Banyak perkara boleh di-lakukan oleh guru2 sekalian. Guru2 juga boleh memberi sumbangan yang besar di-dalam majlis Muhibbah dan Perpaduan di-daerah masing2.

Saya tahu ramai di-antara guru2 yang berusaha untuk meninggikan taraf pelajaran akademik mereka. Saya sangat gembira kerana ramai guru2 yang telah berjaya pergi ka-Universiti. Kementerian Pelajaran menggalakkan guru2 melanjutkan pelajaran mereka sahingga seberapa tinggi yang terdaya. Bagaimana pun saya suka menasihatkan guru2 supaya jangan mula melalaikan pelajaran murid2 dan hak mereka mendapat pelajaran yang sempurna jangan-lah di-korbankan. Ini adalah satu kedzaliman yang besar. Guru2 yang telah lulus dari Universiti di-harap kembali semula ka-sekolah untuk menjadi pendidek yang benar2 berkelayakkan.



No. Siri .....	16
No Penerimaan .....	16/80